

[Home](#) / [2025](#) / [December](#) /

World AIDS Day: Race To Zero-Memacu Kesedaran HIV/AIDS Dan Budaya Hidup Sihat Warga UiTM Kuala Pilah

## SDG

30/12/2025 / DR NURHAMIMAH ZAINAL ABIDIN



**Kuala Pilah, 13 Disember 2025** – UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah terus komited menyokong agenda kesihatan awam apabila **Program World AIDS Day: Race To Zero** berjaya dianjurkan pada **13 Disember 2025** bertempat di **Padang UiTM Kuala Pilah**, dengan penglibatan aktif seramai **245 orang peserta** yang terdiri daripada pelajar dan staf UiTM serta

komuniti setempat.

Program sempena sambutan **Hari AIDS Sedunia** ini dianjurkan oleh **Persatuan Ijazah Sarjana Muda Biologi (BIOSMARTEAM)** dengan kerjasama **Kelab Program Siswa Sihat (PROSIS)**, **Jabatan Penerangan Malaysia** serta **Jabatan Belia dan Sukan Daerah Kuala Pilah**. Penganjuran program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat, khususnya golongan belia, terhadap kepentingan pencegahan HIV/AIDS di samping menghapuskan stigma dan diskriminasi terhadap individu yang terjejas.



Antara pengisian utama program termasuk aktiviti senamrobik, acara larian amal, pameran daripada Jabatan Penerangan Negeri Sembilan serta Jabatan Belia dan Sukan Daerah Kuala Pilah, selain majlis penutup yang telah disempurnakan oleh **Encik Shharuddin bin Daud @ Abu Hassan**, Pegawai Penerangan Daerah Kuala Pilah, Jabatan Penerangan Malaysia. Pendekatan berasaskan sukan dan pendidikan yang diterapkan bukan sahaja menggalakkan amalan gaya hidup sihat, malah berperanan sebagai medium berkesan dalam penyampaian maklumat berkaitan kesihatan dan kesejahteraan komuniti.

Selain memberi impak positif kepada masyarakat, program ini turut berfungsi sebagai platform pembelajaran luar bilik kuliah kepada pelajar UiTM melalui penglibatan secara langsung dalam aspek

perancangan, pengurusan dan pelaksanaan program. Pengalaman ini secara tidak langsung membantu membangunkan kemahiran insaniah seperti kepimpinan, komunikasi, kerja berpasukan dan tanggungjawab sosial, selaras dengan aspirasi **Dasar Belia Malaysia** serta **Matlamat Pembangunan Lestari (SDG 3, 4 dan 17)**.

Secara keseluruhannya, **World AIDS Day: Race To Zero** berjaya memperkukuh imej UiTM sebagai institusi pendidikan tinggi yang proaktif dalam mendukung agenda kesihatan awam, kesedaran sosial dan pembangunan komuniti. Penganjuran program seumpama ini diharapkan dapat diteruskan sebagai usaha berterusan ke arah merealisasikan agenda Malaysia Bebas AIDS 2030, sekali gus melahirkan masyarakat yang sihat, berilmu dan prihatin.



Tags: [AIDS](#), [Fakulti Sains Gunaan \(FSG\)](#), [Persatuan Ijazah Sarjana Muda Biologi \(BIOSMARTEAM\)](#), [UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#), [World AIDS Day](#)

Panduan Bijak Tenaga: Inisiatif Sulam  
 UiTM Bantu Penduduk Shah Alam  
Jimat Elektrik

UiTM Kampus Bandaraya Melaka  
Santuni Komuniti Muslim Vietnam  
Menerusi Program Khidmat  
Masyarakat Pengantarabangsaan

## QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)  
[Academic Calendar](#)  
[Intake Calendar](#)  
[Graduate Quick Search](#)  
[Library](#)  
[UiTM Holdings](#)

## HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA  
(UiTM)  
40450 Shah Alam, Selangor  
Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +603-5544 2051 / 2000



WiFi UiTM

E-Complaint

Copyright © 2026 UiTM NewsHub | Theme by: Theme Horse | Proudly Powered by: WordPress